

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENERAPAN PEMBELAJARAN  
SEPANJANG HAYAT (PSH) DI MUIP  
DALAM AKTIVITI  
PEMBELAJARAN ISLAM ORANG  
ASLI DI PAHANG**

**SITI RAUDAH BINTI ABDUL KARIM**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Januari 2024**

## **ABSTRAK**

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah satu proses pembelajaran yang melibatkan aktiviti pembelajaran berkesan dan berpanjangan kepada individu dan masyarakat. Pendidikan adalah penting kepada semua masyarakat untuk mencapai kemajuan terutamanya kepada masyarakat minoriti Orang Asli yang menghadapi masalah keciciran dalam pembelajaran. Perbincangan mengenai keciciran masyarakat Orang Asli dalam pendidikan masih diperdebatkan di kalangan sarjana sehingga kini. Kes-kes keciciran pembelajaran menjadi penghalang kepada masyarakat Orang Asli untuk lebih maju dalam pelbagai bidang termasuk pembelajaran Islam. Justeru pelbagai pihak bergabung bagi menambah baik kaedah dan strategi pembelajaran masyarakat Orang Asli supaya hak pendidikan mereka terpelihara dengan semua masyarakat. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), merupakan pihak yang bertanggungjawab di Pahang untuk membantu masyarakat Orang Asli Islam dalam pelbagai bantuan hidup termasuk pendidikan. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji elemen PSH di MUIP dalam aktiviti pembelajaran Islam Orang Asli di Pahang. Objektif kedua kajian ini menganalisis bentuk pelaksanaan elemen PSH dalam aktiviti pembelajaran Islam Orang Asli di Pahang. Manakala objektif ketiga adalah mencadangkan garis panduan PSH dalam aktiviti pembelajaran Islam Orang Asli. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk fenomenologi. Data kualitatif yang diperolehi melalui temu bual bersama tujuh orang informan daripada Guru Briged dan Penggerak Islam Orang Asli, dan data pemerhatian yang diambil daripada dua lokasi utama masyarakat Islam Orang Asli iaitu Kuala Lipis dan Cameron Highlands. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan analisis tematik daripada proses pengekodan melalui ATLAS.Ti 9, seterusnya mengeluarkan tema utama berdasarkan objektif kajian. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat enam elemen yang diterapkan oleh MUIP dalam aktiviti pembelajaran Islam Orang Asli iaitu (i) Kemahiran Asas 3M, (ii) Pemerolehan Bimbingan, (iii) Sumber Kebajikan, (iv) Kemudahan Infrastruktur, (v) Program Kesedaran Masyarakat dan melakukan (vi) Tinjauan Susulan. Dapatkan dalam Objektif kedua terdapat empat tema utama dalam bentuk pelaksanaan PSH iaitu (i) Mengenal Peserta, (ii) Pelaksanaan Kaedah PnP, (iii) Guru sebagai Pelaksana, dan (iv) Penyediaan Bahan Rujukan. Dapatkan kajian ini juga membentuk satu cadangan garis panduan PSH dalam aktiviti pembelajaran Islam Orang Asli yang berterusan. Rumusnya, dapatkan kajian ini signifikan kepada pendakwah dan pendidik masyarakat Islam Orang Asli untuk menjamin pembelajaran yang berterusan kepada generasi akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Bismillah. Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah SWT.

Pertamanya, saya ingin merafakkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberi izin dan peluang untuk saya memulakan PhD dan berjaya menyelesaikan perjalanan yang panjang dan mencabar ini dengan jayanya. Buat ibunda Saadiah dan Allahyarham abah Abdul Karim, yang sentiasa memberi restu daripada diri ini kecil hingga dewasa untuk meneruskan jihad ilmu demi menjadi seorang manusia, hanya Allah SWT sahaja yang dapat membala segalanya untuk kalian berdua, ibunda dan ayahnya yang dikasihi.

Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia kajian saya Prof Madya Dr. Huzaimah Ismail dan penyelia bersama, Dr. Norhapizah Mohd Burhan atas curahan ilmu dan panduan sepanjang bergelar penuntut ilmu. Sesungguhnya ilmu yang dicurahkan semoga di balas oleh Allah SWT dengan seribu rahmat.

Seribu penghargaan juga ditujukan kepada adik beradik dan keluarga yang selalu memberi sokongan dan dorongan untuk saya terus berjaya. Juga sahabat seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan dorongan untuk diri ini meneruskan pembelajaran sehingga akhir. Moga doa kalian dibalas Allah SWT serupa dengan kebaikan yang di doakan Insya Allah.

Alhamdulillah. Terima Kasih Ya Allah.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xviii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xix</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pengenalan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	8
1.3    Penyataan Masalah	20
1.4    Objektif Kajian	25
1.5    Persoalan Kajian	25
1.6    Kepentingan Kajian	25
1.6.1    Masyarakat Orang Asli	25
1.6.2    Institusi Pengurusan Islam Orang Asli	26
1.6.3    Pihak Kerajaan	26
1.6.4    Pengkaji dan Penyelidik	26
1.7    Limitasi dan Skop Kajian	27
1.8    Kerangka Konseptual Kajian	28
1.8.1    Teori Empat Tunggak PSH (Delors, 1996)	29
1.8.2    Model Pembelajaran Sepanjang Hayat (Garrison 1997)	31
1.8.3    Model Proses Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ibn Khaldun	33
1.9    Definisi Operasi	37

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses pendidikan yang berlaku sepanjang tempoh hayat manusia sama ada secara formal atau tidak formal. Dalam proses perolehan pendidikan, setiap individu berusaha untuk meningkatkan kebolehan dan potensi diri yang merangkumi potensi akal, jasmani dan rohani. Berdasarkan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan, keperluan untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh adalah penting di samping meningkatkan keseimbangan diri dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dengan berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Hasilnya, individu tersebut akan berupaya untuk menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan dunia sejagat menerusi konsep didikan yang sempurna dan seimbang (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1996). Potensi ini berkembang dalam kehidupan manusia dan menghasilkan kapasiti daya intelektual, kemahiran dan kepekaan kepada persekitaran sosial melalui sistem pendidikan, terutamanya dalam arus revolusi pendidikan 5.0 yang semakin berkembang pada masa kini. Pendidikan merupakan platform utama dalam persediaan ilmu pengetahuan serta kemahiran kepada masyarakat sejak generasi dahulu sehingga kini (Kassim et al., 2019).

Dalam perspektif Islam, kedudukan manusia diangkat darjatnya dan mendapat tempat di sisi Allah SWT melalui tahap ilmu setiap individu. Semakin bertambah ilmu, semakin tinggi taraf individu di sisi Tuhan dan manusia (Kamali, 2019). Oleh itu ilmu dan iman merupakan dua pemboleh ubah yang tidak dapat dipisahkan dan keduanya saling berinteraksi serta mempengaruhi satu sama lain. Setiap individu Muslim dinilai melalui tingkatan ilmu, iman serta amalannya bagi mengukur manifestasi ketakwaan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11: